


# Penduduk Singgaron Baru lindungi kawasan tadahan selama separuh abad


OLEH EMIN MADI



PARA penyelidik daripada UMS, UCSF, WWF-Malaysia, Sabah Parks dan Borneo Refugia ketika di pelancaran Eksplorasi Sains di Kampung Singgaron Baru yang dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Kudasang, Datuk Dr Joachim Gunsalam (duduk enam dari kanan), Pengarah Sabah Parks, Dr Jamli Nais (duduk enam dari kiri).



SARIDAN menunjukkan paip sepanjang 2.5 km di kawasan kampung itu. (Gambar Bernama Foto)



KANAK-kanak dan anak muda Kampung Singgaron Baru.

cemar atau kering sekiranya pembalakan mula menggondolkan hutan.

"Bagi mengelakkan perkara itu berlaku, kami telah meletakkan penanda serta papan tanda bagi mengingatkan penduduk kampung betapa pentingnya kawasan tadahan air ini dilindungi," katanya.

Namun, penduduk kampung ini sedar masih ada ancaman kawasan tadahan air itu diceroahi untuk tu-

juan pembalakan.

"Kami pernah terserempak dengan pembalakan yang cuba menceroboh kawasan tadahan ini. Kami merayu kepada mereka supaya jangan mengganggu kawasan ini kerana ia sumber bekalan air kami," kata said Saridan.

**BERJAGA-JAGA**

Di sebalik usaha gigih melindungi

kawasan tadahan itu sejak hampir separuh abad, masa hadapannya masih tidak menentu kerana ia belum diwartakan sebagai kawasan tadahan air.

"Kami sedar dengan keadaan ini dan sudah menghantar permohonan kepada kerajaan untuk tujuan ini cuma kami diberitahu ada prosedur tertentu perlu kami patuhi sebelum kawasan itu boleh diwartakan.

"Kami diberitahu kami perlu menyediakan peta untuk menunjukkan wujudnya kawasan tadahan air dan kami telah melakukannya," Saridan memberitahu Bernama.

Penduduk kampung baru-baru ini mendapatkan bantuan Sabah Parks untuk menjemput penyelidik dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Kolej Yayasan Sabah (UCSF), WWF-Malaysia dan Borneo Refugia, anak syarikat Yayasan Sabah untuk menjalankan eksplorasi sains di Singgaron Baru.

Kajian selama tujuh hari itu dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Kudasang, Datuk Dr Joachim Gunsalam. Beliau mahu mengguna data yang dikumpul untuk membangunkan kawasan itu untuk ekopelancongan.

Para penyelidik mengesahkan ekosistem dalam lingkungan kawasan pemuliharaan seluas 180 hektar itu masih belum terjejas.

Perangkap kamera yang dipasang sewaktu eksplorasi itu dibuat merakam gambar beruang madu (sun bear), salah satu spesies haiwan liar yang terancam dan dilindungi di Sabah.

Pengarah Sabah Parks, Dr Jamli Nais yang turut menyertai eksplorasi itu memuji inisiatif penduduk kampung menjemput penyelidik untuk melakukan kajian itu.

Beliau menyifatkan usaha seumpama itu sebagai bukti komitmen tulus ikhlas mereka untuk pemuliharaan alam sekitar.

"Jarang sekali jumpa kampung yang memiliki dan melindungi kawasan tadahan air dan inilah yang berlaku di Singgaron Baru.

"Usaha seperti ini perlu dihargai dan diteladani orang lain terutamanya dari sudut kesedaran alam sekitar," katanya.

Menurut Jamli, beliau akan mengkaji hasil dapatan penyelidik sebelum membuat sebarang syor bentuk pembangunan ekopelancongan yang sesuai untuk kampung itu. -Bernama

RANAU: Sungguhpun hidup terpencil, penduduk kampung Singgaron Baru berjaya melakukan sesuatu yang jutaan orang lain yang lebih bernasib baik daripada mereka gagal lakukan iaitu melindungi kawasan tadahan air serta keseluruhan ekosistemnya.

Penduduk kampung ini menikmati bekalan air bersih yang dingin, dihasilkan sumber semula jadi serta amalan 'bombon hutan' yang bermakna kesungguhan melindungi alam sekitar.

Bagaimanapun, bukan mudah untuk kira-kira 500 penduduk kampung itu yang sebahagian besarnya orang Islam menikmati bekalan air bersih tanpa gangguan.

Selama lebih 40 tahun mereka berjuang bermati-matian untuk memastikan kawasan hutan dara berhampiran kampung mereka kekal dilindungi daripada kapitalis tamak yang telah mencemar atau memusnahkan majoriti kawasan tadahan air di Malaysia.

Ini kerana mereka faham kawasan seluas 180 hektar itu adalah kawasan tadahan dan amat penting untuk kehidupan penduduk kampung itu.

Keadaan ini menjadikan persekitaran Singgaron Baru bukan sahaja begitu tenang tetapi juga mungkin satu-satunya kampung tradisional di Malaysia yang menikmati bekalan air bersih percuma terus dari kawasan tadahan air.

## ADA ANCAMAN

Sistem bekalan air di Singgaron Baru, kira-kira 25km dari bandar Ranau menggunakan kepada sistem yang sama digunakan di kampung Singgaron Lama di Kiau.

Kampung ini terletak di kaki Gunung Kinabalu.

Di Kampung Singgaron Lama, mereka menggunakan buluh untuk menyalurkan air dari kawasan tadahan yang terletak di tempat tinggi terus ke rumah masing-masing.

Penduduk di Singgaron Baru pula melaksanakan satu sistem yang membolehkan air dari kawasan tadahan itu dipam ke dalam tangki yang diletakkan berhampiran dengannya.

Air yang disimpan kemudiannya diedarkan kepada penduduk kampung.

Kesungguhan penduduk kampung ini melindungi sumber air mereka bukan sahaja memberi banyak manfaat kepada mereka tetapi juga kepada tiga kampung yang terletak di luar kawasan pemuliharaan.

Pengerusi program kampung Desa Cemerlang, Amin Saridan berkata tidak ada masalah bekalan air sewaktu kampung itu dibuka pada tahun 1960-an.

Ini kerana air sungai yang berhampiran adalah bersih.

Bagaimanapun, sungai itu kemudiannya mengalami pencemaran teruk akibat kegiatan pembalakan.

"Kami bernasib baik kerana terdapat kawasan tadahan air di bukit yang diliputi hutan berhampiran dengan kampung yang tidak diusik.

"Bagaimanapun kami bimbang kawasan tadahan itu juga akan ter-